

Ruj. Kami : ANM.PK.G/ 600-1/1/2JLD.3(89)
Tarikh : 25 November 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

MAKLUMAN PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2019 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 6 Tahun 2019 berkenaan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran BKK Tahun 2019 sebanyak RM500.00 akan dibayar pada 18 Disember 2019 (Rabu) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat sehingga 18 Disember 2019 dan berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019.

3. Sehubungan itu, mohon pihak tuan/puan menyenaraikan pegawai-pegawai yang tidak layak menerima bayaran BKK Tahun 2019 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2019 di Lampiran A dan B dan dihantar ke Unit Gaji selewat-lewatnya pada **26 November 2019 (Selasa) sebelum jam 1.00 petang** secara emel di gaji_prk@anm.gov.my atau faks ke 05-2412969. Lampiran tersebut perlu disahkan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan masing-masing.

4. Kerjasama dan tindakan segera dari pihak tuan/puan amatlah diharapkan bagi mengelakkan pembayaran dibuat kepada pegawai yang tidak layak.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA
NEGERI PERAK**